



KEMENTERIAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

BAGI

**SESI TOWNHALL YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN
BERSAMA PEMILIK DAN PEWARIS TANAH KAMPONG BHARU**

DEWAN PERDANA FELDA, JALAN MAKTAB, KUALA LUMPUR

**21 SEPTEMBER 2019 (SABTU)
JAM 9.30 PAGI**

Salutasi (Akan dimuktamadkan)

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana kita dapat berkumpul di Dewan Perdana Felda pada hari ini bagi menjayakan Sesi Town Hall Bersama Pemilik dan Pewaris Tanah Kampong Bharu. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan salam daripada YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kerana beliau tidak dapat hadir untuk bersama-sama kita pada pagi ini atas urusan yang lebih mustahak.

2. Alhamdullilah, program ini mendapat sokongan yang amat positif dan baik daripada rakan-rakan strategik kita dari pelbagai agensi Kerajaan, swasta dan NGOs. Justeru, saya amat menghargai komitmen ini dan mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat.

SEJARAH USAHA PEMBANGUNAN SEMULA KAMPONG BHARU

Hadirin sekalian,

3. Usaha pembangunan Kampong Bharu ini bukanlah satu perancangan yang baru bertapak sebulan dua, malahan usaha ini telah bermula sejak tahun 1984 lagi apabila Jabatan Perancang dan Kawalan Bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengemukakan satu Cadangan Pembangunan Semula Kampong Bharu. Pada tahun 1992, satu perbincangan mengenai Cadangan Pembangunan Semula Kampong Bharu diadakan dan telah dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri. Selepas pelbagai sesi perbincangan lanjut diadakan pada tahun-tahun seterusnya, tahun 2010 pula telah

menyaksikan sesi-sesi taklimat dan mesyuarat yang berkesinambungan dengan tokoh-tokoh anak tempatan Kampong Bharu, ahli lembaga Malay Agricultural Settlement, pemilik dan pewaris serta badan bukan kerajaan di Kampong Bharu.

4. Seterusnya, sebagai pemudah cara, pencetus dan penggerak pembangunan, Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu telah dibentuk pada 18 Julai 2012 dan telah beroperasi pada 1 Sept 2012. Pada 17 Disember 2014, Pelan Induk Terperinci Pembangunan Kampong Bharu pula dimuktamadkan dengan kelulusan Menteri Wilayah Persekutuan pada ketika itu dan telah dilancarkan pada 15 Januari 2015.

5. Tahun 2018, Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengambil inisiatif untuk mengkaji semula Pelan Induk Terperinci Kampong Bharu untuk meneruskan usaha pembangunan semula kampung yang telah wujud sejak 119 tahun lalu ini. Saya percaya dan berpegang teguh dengan prinsip bahawa pengekalan elemen Melayu dalam perancangan Pelan Pembangunan Semula Kampong Bharu adalah amat penting bagi mengekalkan identiti dan sejarah Kampong Bharu itu sendiri.

INISIATIF KERAJAAN UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH-MASALAH LAPUK DI KAMPONG BHARU

Hadirin sekalian,

6. Saya tetap komited untuk meneruskan usaha pembangunan semula ini kerana ingin menyelesaikan masalah-masalah utama yang telah lama bertapak di Kampong Bharu iaitu; lambakan golongan pendatang tanpa izin yang semakin berleluasa, perumahan yang usang yang boleh mendatangkan bahaya kepada penginap rumah itu sendiri, kesesakan lalulintas, kejadian banjir kilat, pemilikan tanah yang tidak dapat dikenal pasti dan masalah sampah yang tidak terurus dengan baik.

7. Dalam melaksanakan pembangunan semula ini, pelbagai inisiatif juga telah diambil dan dijalankan oleh Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu seperti klinik

harta pusaka, khidmat rundingan tanah, menjelaki waris-waris untuk lot tanah yang tidak dikenal pasti pemiliknya dan membentuk satu *mobile team* yang bertujuan untuk menjelaki waris-waris tersebut. Sehingga akhir tahun 2018, terdapat sejumlah 740 kes isu harta pusaka direkodkan oleh pihak Perbadanan. Berdasarkan jumlah tersebut, sebanyak 156 kes berjaya dibantu untuk diselesaikan.

CADANGAN PEMBANGUNAN SEMULA KAMPONG BHARU

Hadirin sekalian,

8. Sebagaimana semua sedia maklum, keluasan tanah di Kampong Bharu ini meliputi 302 ekar. Daripada jumlah tersebut, 154 ekar adalah dicadangkan untuk pembangunan semula yang melibatkan 837 lot tanah.
9. Antara projek utama yang akan dibangunkan adalah Taman Warisan Melayu (*Malay Heritage Park*) berkeluasan 24 ekar yang merangkumi Kompleks Warisan Melayu, Pusat Kesenian, Persembahan dan Kebudayaan Melayu, kampung warisan, ruang perniagaan makanan yang lebih tersusun di sepanjang Jalan Raja Muda Musa. Juga akan dibangunkan sebuah bangunan mercu tanda bercirikan warisan Melayu, yang bakal menjadi kebanggaan penduduk di Kampong Bharu kelak. Saloma Link yang bakal siap penghubung tahun ini memberi nilai tambah kepada keseluruhan pelan pembangunan semula Kampong Bharu.
10. Bagi menjaga kepentingan pemilik dan pewaris tanah, kerajaan akan menawarkan empat pilihan kepada pemilik dan pewaris tanah di Kampong Bharu; Pilihan 1, samada mereka ingin memilih untuk mengambil tunai, Pilihan 2, memilih untuk memiliki unit siap, Pilihan 3, memilih untuk mengambil tunai dan unit siap, dan Pilihan 4, mengambil pulangan sebagai pemegang saham dalam projek-projek pembangunan di Kampong Bharu. Perancangan yang disusun dalam pembangunan semula ini merangkumi projek-projek yang bakal membawa kampung warisan Melayu ini dikenali ramai ke serata dunia.

11. Fokus pembangunan yang dirancang akan meliputi 70 peratus projek perumahan dan 30 peratus sahaja untuk pembangunan komersial. Manakala 50 peratus dari bilangan unit kediaman yang bakal dibina nanti pula adalah perumahan mampu milik bagi membolehkan orang-orang Melayu membeli dan memiliki harta tanah di Kampong Bharu. Kita menasarkan pada tahun 2050, penduduk di Kampong Bharu akan bertambah menjadi 160,000 orang penduduk dengan penambahan unit rumah kelak. Pelan pembangunan semula ini dijangka akan mengambil masa selama 30 tahun untuk siap sepenuhnya.

KEGUSARAN ORANG MELAYU BAHAWA TANAH MILIK MELAYU AKAN HILANG

Hadirin sekalian,

12. Saya ingin menegaskan di sini, bahawa tanah di Kampong Bharu dilindungi sepenuhnya oleh Akta 733 Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu Seksyen 14(4). Andaian bahawa tanah orang Melayu akan tergadai adalah tidak benar sama sekali. Akta ini memperjelaskan bahawa Perbadanan hendaklah melindungi, memelihara dan memulihara kepentingan orang Melayu. Oleh itu, apa-apa juga pembangunan di Kampong Bharu, prinsip utamanya adalah pemilikan tanah tetap kekal kepada orang Melayu dan pemilik serta pewaris asal akan terus memiliki harta tanah di situ dan sekaligus masih menjadi penduduk di Kampong Bharu.

AMANAT DAN HARAPAN

Hadirin sekalian,

13. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memberikan kesejahteraan kepada rakyat. Rancangan pembangunan semula Kampong Bharu perlu dilaksanakan secara menyeluruh bagi memastikan keperluan-keperluan rakyat seperti kemudahan infrastruktur, kawasan lapang, kemudahan pengangkutan awam dan sebagainya dapat didatangkan secara pakej dan terancang. Maka saya ingin mengambil kesempatan ini

untuk menyeru kepada semua pemilik dan pewaris tanah agar jangan cepat terpedaya dengan andaian dan buah mulut anasir-anasir luar agar tidak mendatangkan kerugian kepada diri sendiri di masa akan datang.

14. Saya ingin menegaskan di sini, tanah di Kampong Bharu tetap akan menjadi milik orang Melayu, malah lebih ramai orang Melayu akan berpeluang menetap dan mendiami kediaman di tengah ibu kota ini. Besarlah harapan saya agar pemilik dan pewaris tanah dapat memberikan sokongan penuh kepada pihak kerajaan dalam merealisasikan impian Kampong Bharu untuk masa hadapan ini. Ambillah peluang ini untuk kita membangun bersama dan menikmati kemakmuran negara secara adil dan saksama.

PENUTUP

15. Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah dan jutaan terima kasih kepada semua yang menjayakan Sesi Town Hall pada pagi ini. Terima kasih juga diucapkan kepada semua pemilik dan pewaris tanah yang hadir dan bersama-sama kita semua berganding bahu untuk menjadikan bakal kampung moden Melayu ini semakin gah berdiri di tengah ibu kota.

16. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.